



LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI PROGRAM DI PERPUSTAKAAN UNISEL



BICARA PUSTAKAWAN:



LITERASI MEDIA

**PERKHIDMATAN MESIN PENCETAK DAN FOTOKOPI
SECARA LAYAN DIRI DI PERPUSTAKAAN UNISEL**



**82 DANG
PENGARANG**

PENASIHAT

Hafiz Abdul Rahim

EDITOR

Zairil Azwan Osman

PEREKA GRAFIK

Nor Suhaiza Zainol

**PENULIS &
JURUFOTO**

Pustakawan
Perpustakaan
UNISEL

PENGEDARAN

Unit LSDM



PEMBUKA BICARA

Assalamualaikum dan
Salam Sejahtera

Pada keluaran kelima pada tahun 2022 (September-Oktober 2022), Perpustakaan UNISEL telah menerima dua lawatan penilaian akreditasi untuk dua program yang ditawarkan oleh UNISEL. Lawatan penilaian ini telah berjalan dengan lancar dan pihak perpustakaan telah menerima ulasan yang baik dari panel MQA dan EAC. Daripada ulasan yang diberikan, pihak per-

pustakaan akan berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada pengguna. Selain itu, Perpustakaan UNISEL telah menambah satu perkhidmatan baru kepada pengguna, iaitu mesin pencetak dan fotokopi secara layan diri. Perkhidmatan ini menawarkan harga yang sangat berpatutan untuk mencekik dan fotokopi. Sambutan yang diberikan oleh pengguna sangat-sangat menggalakkan dan diharapkan pengguna dapat

menggunakan perkhidmatan ini sebaik mungkin. Akhir sekali, pihak Buletin Perpustakaan UNISEL mengucapkan Selamat menyambut Hari Deepavali, semoga perayaan ini membawa sinar cahaya kegembiraan, kebahagiaan dan kesejahteraan kepada semua penganut agama Hindu.

Salam hormat,

ZAIRIL AZWAN

OSMAN

Editor

zairil@unisel.edu.my

ISI KANDUNGAN

- 1** Lawatan Penilaian Akreditasi Program Di Perpustakaan UNISEL
- 3** Perkhidmatan Mesin Pencetak dan Fotokopi Secara Layan Diri Di Perpustakaan UNISEL
- 4** BICARA PUSTAKAWAN: Literasi Media
- 7** Program Literasi Maklumat
- 8** Aktiviti Perpustakaan UNISEL
- 10** Album Pelawat & Lawatan
- 12** Ulasan Buku

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL
Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-55223596
Emel: zairil@unisel.edu.my



LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI PROGRAM DI PERPUSTAKAAN UNISEL

Perpustakaan UNISEL telah menerima dua lawatan akreditasi yang melibatkan dua program yang ditawarkan di UNISEL. Dua program tersebut adalah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) (Kepujian). Untuk lawatan akreditasi bagi program Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal (Kepujian), pihak perpustakaan telah menerima lawatan dari

Engineering Accreditation Council (EAC) diiringi oleh para pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Hayat pada 15 September 2022. Untuk lawatan penilaian akreditasi penuh bagi program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) (Kepujian) pula adalah panel dari MQA diiringi pensyarah dari Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial pada 26 September 2022.



Secara dasarnya, lawatan penilaian akreditasi bagi kedua-dua program ini ke perpustakaan meliputi jumlah bahan rujukan bagi kegunaan pelajar dalam pembelajaran dan kerja-kerja kursus. Bahan-bahan ilmiah ini adalah dalam bentuk bercetak seperti buku, tesis dan laporan tahunan dan dalam bentuk digital seperti artikel jurnal dari pengkalan data yang telah dilanggan oleh UNISEL. Selain itu, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak perpustakaan juga diambil kira oleh pihak panel MQA dan EAC. Dengan adanya lawatan penilaian akreditasi seperti ini, pihak perpustakaan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada para pengguna perpustakaan dan menambah serta memperkasakan kemudahan yang sedia ada.



PERKHIDMATAN MESIN PENCETAK DAN FOTOKOPI SECARA LAYAN DIRI DI PERPUSTAKAAN UNISEL

Pada bulan September 2022, Perpustakaan UNISEL telah menambah satu perkhidmatan baru kepada pengguna iaitu mesin pencetak dan fotokopi secara layan diri. Perkhidmatan ini tersedia di



Perpustakaan UNISEL di kedua-dua kampus. Proses pemasangan mesin pencetak ini bermula pada 1 September 2022 di Perpustakaan UNISEL Kampus Shah Alam, disusuli pula 2 September 2022 di Perpustakaan UNISEL di Kampus Bestari Jaya. Perkhidmatan mesin pencetak dan fotokopi secara layan diri dapat membantu para pelajar untuk mencetak kerja-kerja kursus, dokumen penting di dalam kawasan



universiti sahaja dan tidak perlu keluar jauh.

Untuk menggunakan perkhidmatan ini, pengguna hanya perlu mendaftar akaun secara atas talian, kemudian menambah nilai didalam akaun terse-

but. Mesin cetak ini membolehkan pengguna memilih untuk mencetak dengan pilihan warna hitam dan putih sahaja atau pilihan warna yang penuh. Kadar caj cetakkan dan fotokopi menggunakan mesin ini amatlah murah jika dibandingkan dengan kedai-kedai cetakkan yang lain. Dengan harga yang ditawarkan, ia dapat menarik perhatian pelajar untuk menggunakan perkhidmatan cetakkan dan fotokopi secara layan diri ini. Sambutan yang diberikan oleh pengguna sangat-sangat menggalakkan dan diharap pengguna dapat menggunakan perkhidmatan ini sebaik mungkin.





BUCARA
PUSTAKAWAN

LITERASI MEDIA

Apakah sebenarnya literasi media? Takrifan yang paling digemari adalah yang dihasilkan oleh Institut Aspen pada tahun 1993 dan masih digunakan secara meluas dalam kesusasteraan: mempunyai keupayaan untuk mengakses, menganalisis, menilai, dan membuat media dalam pelbagai bentuk (Aufderheide, 1993). Literasi media dianggap penting ekoran meningkatnya permintaan untuk menjadi warganegara aktif dalam masyarakat demokratik yang berpunca dari perkembangan seperti globalisasi dan individualisasi. Literasi media dilihat sebagai cara yang boleh menjadikan seorang itu menjadi warga negara yang bermaklumat, reflektif dan terlibat yang penting untuk fungsi demokrasi (Milhailidis & Thevenin, 2013). Tambahan lagi, penggunaan media massa oleh khalayak masa kini secara langsung meningkatkan kemahiran literasi media khususnya dalam kalangan generasi muda yang menggunakan platform media yang lebih interaktif (Buckingham, 2003). Literasi dalam zaman digital menyatakan bahawa "literasi media adalah keupayaan untuk membaca dan memahami medium komunikasi dengan melihat proses yang membolehkannya menafsirkan tanda dan simbolnya, sambil melihat kesan sederhana pada penulis, penonton dan

mesej" (Burniske, 2008). Bagi Burniske, intisari literasi media mempunyai keupayaan untuk memeriksa dan memahami bahasa media dan mengenali implikasi pemahaman ini. Bahasa media ini kadangkala dikenali sebagai bahasa skrin.

Kenyataan ini menjelaskan bahawa semakin tinggi tahap literasi media seseorang itu, semakin tinggi kemahiran mereka untuk membuat penyiasatan dan penilaian terhadap setiap mesej tersirat dan tersurat yang cuba disampaikan dalam setiap baris ayat berita, gambar atau video



yang dilihat oleh mata mereka. Kemampuan literasi ini juga berbeza antara jenis platform media konvensional atau media digital (Shahrul Nazmi, Fauziah, Azianura Hani & Nasrudin, 2019).

Media massa menjadi platform yang amat penting kepada manusia sejagat dalam urusan penyampaian maklumat semasa dan pendidikan. Sejarah awal media yang bermula ketika pra sejarah dengan menggunakan objek di dinding gua, terus berkembang dengan terciptanya teknologi penghasilan kertas daripada buluh di China. Sejak dari itu, kertas digunakan sebagai media utama yang dijadikan akhbar harian dan ia terus berkembang di zaman revolusi perindustrian di Eropah.

Sehingga kini, kewujudan akhbar sebagai saluran media massa kini diimbangi dengan pelbagai bentuk atau platform media yang bergerak seiring dalam memainkan peranan sebagai penyampai

maklumat kepada umum. Kini, televisyen, radio, majalah, buku yang dikenali sebagai media konvensional wujud sejak sekian lama dan menyumbang kepada tahap celik maklumat masyarakat. Namun pada masa yang sama, media juga dilihat menjadi penyumbang utama kepada berlakunya masalah sosial, ekonomi dan juga isu moral kepada masyarakat



sekiranya maklumat yang disalurkan itu tidak sesuai untuk diterima dan dicerna oleh audiennya. Semua saluran komunikasi ini membolehkan segala bentuk maklumat dari satu punca itu dapat disampaikan kepada masyarakat yang berkedudukan berselerak di ke-

Perkhidmatan internet dan jalur lebar juga membantu menjadi pemangkin kepada perkembangan industri sejagat apabila lebih banyak gajet baharu yang lebih berinovasi mula membanjiri pasaran dengan menawarkan harga yang kompetitif kepada pengguna.

Maka, wujudlah gajet seperti telefon pintar, komputer pintar dan sebagainya yang digunakan oleh masyarakat masakini dengan meluas selain pengenalan beberapa bentuk aplikasi yang interaktif seperti WhatsApp dan Telegram. Selain itu media sosial seperti Facebook, Twitter, dan Instagram juga digunakan secara meluas di seluruh dunia untuk menyampaikan maklumat berita secara pantas tanpa perlu menunggu keesokan hari, seperti yang dilakukan oleh media konvensional.

Normah et al. (2018) menyatakan senario ini telah menjadikan proses capaian maklumat dan berita menjadi lebih cepat dan mudah dalam kalangan audien. Namun, kepantasan maklumat yang diterima ini kadangkala datang dengan pelbagai masalah. Kewujudan berita palsu atau fake news yang menguasai laman media sosial ketika ini



banyak tempat.

Kini, urusan penyampaian sesuatu maklumat berita itu lebih dipermudahkan dengan wujudnya pelbagai platform maya atau yang berasaskan digital. Kewujudan media ini yang menggunakan saluran internet dilihat telah berjaya merevolusikan industri media sejagat dalam era 1990an dengan wujudnya komputer peribadi.

telah mencabar tahap literasi masyarakat yang terdedah dengan berita seperti ini. Isu seperti inilah yang telah mendasari pelbagai bentuk perbincangan dan perdebatan pakar komunikasi serata dunia ketika ini. Dalam keghairahan masyarakat khususnya generasi muda terhadap sumber berita daripada gajet pintar ketika ini, mereka tidak sedar sejumlah besar sumber berita



yang dibaca itu bukanlah tulen semata-mata, namun terselit beberapa elemen propaganda yang gagal dikesan.

Badigkian (1997) menyatakan media massa berkemungkinan mampu mempengaruhi pemikiran audien tanpa disedari melalui agenda yang cuba disampaikan oleh penyampai berita itu bertujuan untuk mengeksploitasi masyarakat supaya mempercayai atau melakukan sesuatu mengikut kehendak mereka. Ia disifatkan sebagai usaha halus untuk mempengaruhi pemikiran dan tindakan khalayak untuk bersetuju dengan sesuatu pihak tanpa

menggunakan sebarang kekerasan. Semakin besar masyarakat bergantung kepada sesuatu saluran media, semakin kuatlah cengkaman pihak atau pemilik stesen media itu untuk mengawal pemikiran khalayak.


Literasi media dapat ترجمahkan sebagai kemampuan seseorang individu membuat penilaian terhadap mesej sesuatu bahan berita atau media yang disiarkan secara tersirat dan tersurat.

Semakin tinggi literasi seseorang, semakin tinggi kemampuannya untuk membuat penilaian buruk dan baik setiap mesej yang diterima. Isu alam sekitar yang berlaku dalam negara ini sememangnya memberi cabaran kepada pihak berkuasa dan khalayak apabila semakin banyak aliran maklumat tidak sahah membanjiri laman media sosial. Justeru, peranan golongan generasi muda khususnya pelajar di institusi pengajian tinggi sangat diperlukan kerana mereka mempunyai tahap pengetahuan dan literasi media yang tinggi berbanding golongan sebaya mereka yang tidak menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

Rujukan

- Aufderheide, P. (1993). *Media literacy. A Report of the National Leadership Conference on Media Literacy*. Washington, DC: Aspen Institute.
- Bagdikian, B. (1997). *The media monopoly*. Boston: Beacon Press.
- Buckingham, D. (2003). *Media education: Literacy, learning and contemporary culture*. Cambridge, UK: Polity Press/Blackwell.
- Burniske, R. W. (2008). *Literacy in the digital age* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Normah Mustaffa, Ali Salman, Wan Amizah Wan Mahmud, Badrul Redzuan Abu Hassan, Shahrul Nazmi Sannusi, Muhammad Adnan Pitchan, & Wan Nur Syazmira Wan Suhaimi (2018). Social media and the expression of opinion: Implication on the spiral of silence. *The Social Sciences*, 13(5), 1037-1041.
- Shahrul Nazmi Sannusi, Fauziah Ibrahim, Azianura Hani Shaari, & Nasrudin Subhi. (2019). Penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40 di sekitar Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 101-118.

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



3 Oktober 2022

Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style 7th ed. bagi pelajar Kursus SSD1352 Academic Writing Kumpulan 1 dan Kumpulan 2 Diploma Psikologi yang dikendalikan oleh Puan Nur Adna binti Roduan, Pustakawan UNISEL.

YOU'RE INVITED

12th October 2022 (Wednesday)
11am - 12pm

GALE
ACADEMIC ONEFILE

LOOKING FOR ACADEMIC SOURCES FOR YOUR RESEARCH MATTERS? JOIN US IN THIS WEBINAR TO LEARN HOW TO CONDUCTING YOUR RESEARCH EFFECTIVELY.

Sean Chia is Senior Sales Manager of Gale based in Singapore, also handling of Malaysia, Indonesia and Vietnam market. Sean has been with Gale since 2005, witnessing the transition from print to ebooks, films to digital archives, Cd-rom to Online Databases thru his career life.



Multi-disciplinary
Click for easy access to articles aligned to major topics of study

User friendly platform
Spend less time searching and more time digging in

Rich in content
More than 20,000 titles available, with scholarly and peer reviewed journals

Register Now (required)
<https://tinyurl.com/y46tdgms>

unisel



12 Oktober 2022


Program pendidikan pengguna Gale, "Gale Academic Onefile Webinar Part 2" telah dihadiri seramai 24 orang peserta terdiri daripada pelajar dan pustakawan Universiti Selangor. Program tersebut dikendalikan oleh Perpustakaan Universti Selangor dengan kerjasama Information Laboratory Sdn.Bhd, iaitu Encik Sean Chia, Pengurus Jualan Kanan yang berlangsung selama 1 jam secara atas talian.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



1 & 2 September 2022

Penempatan mesin fotokopi HP (*print on the go*) di Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya dan Shah Alam. Perpustakaan UNISEL menyediakan perkhidmatan mesin fotokopi layan diri kepada pelajar.



20 September 2022

Mesyuarat Perpustakaan UNISEL antara Ketua Perpustakaan dan Pustakawan Kampus Bestari Jaya secara atas talian menggunakan aplikasi ZOOM.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



30 September 2022

Penyerahan Projektor LED berjenama Viewsonic kepada Puan Norliza Abdul Hamid, Ketua Unit LSDM. Digital Projector ini digunakan untuk aktiviti-aktiviti perpustakaan seperti Program Literasi Maklumat, mesyuarat jabatan/unit dan lain-lain.

17 Oktober 2022

Penyerahan Tanah Hitam oleh wakil Pusat Sukan, Budaya dan Penghijauan, Cik Siti Hajar binti Ismail kepada Puan Raudah binti Rajab, Ketua Unit Galeri & Aktiviti, Perpustakaan UNISEL.



ALBUM PELAWAT & LAWATAN



15 September 2022

Lawatan akreditasi oleh Engineering Accreditation Council (EAC) ke Perpustakaan UNISEL bagi program Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal (Kepujian).



19 September 2022

Lawatan YBhg. Dato' Presiden & Naib Canselor meninjau pemasangan solar di bumbung Perpustakaan UNISEL Bestari Jaya.

ALBUM PELAWAT & LAWATAN



20 September 2022


Lawatan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) – Penilaian & Verifikasi Permohonan Pembaharuan Kelulusan Pengambilan Pelajar Antarabangsa ke Perpustakaan UNISEL Kampus Shah Alam.



26 September 2022

Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh ke Perpustakaan UNISEL bagi Program ISM Pengajian Islam (Syariah) (Kepujian).

ULASAN BUKU



Judul:	Basic & Applied Concepts of Blood Banking and Transfusion Practices
Penulis:	Paula R. Howard
ISBN:	978-0-323-37478-1
No. Panggilan:	RM172 .H72 2017
Lokasi:	1st Floor, Shah Alam Campus
Tahun Terbitan:	2017
Edisi:	4th

"Basic & Applied Concepts of Blood Banking and Transfusion Practices, 4th Edition combines logically organized and updated content in a highly readable way that makes difficult concepts easy to understand. This essential text enables you to develop a solid understanding of all areas of blood banking by utilizing common theory, clinical scenarios, case studies, and critical-thinking exercises. Additional content on HIV testing, ABID panels, immunology and serology, HLA, and global blood banking keeps this book current so you're learning the skills necessary to work in the modern lab. Further your knowledge with the QR codes in the margins that link to new images and websites."



(Sources from website "<https://www.abebooks.com/9780323374781/Basic-Applied-Concepts-Blood-Banking-0323374786/plp>")

Judul:	Developments in Islamic Finance: Challenges and Initiatives
Penulis:	Syed Aun R. Rizvi & Irum Saba
ISBN:	978-3-319-59341-8
No. Panggilan:	BP173.75.D52 2017
Lokasi:	1st Floor, Shah Alam Campus
Tahun Terbitan:	2017
Edisi:	-

"~~ Explores some of the latest issues and products in Islamic banking and finance around the world~~ Features case studies from Malaysia, Pakistan and Canada

~~ Provides up to date information and statistics that can be used in future development and research"

(Sources from website "<https://link.springer.com/book/10.1007/978-3-319-59342-5#about-this-book>")



Judul:	Crowley's an Introduction to Human Disease: Pathology and Pathophysiology Correlations
Penulis:	Emily G. Reisner & Howard M. Reisner
ISBN:	978-1-284-05023-3
No. Panggilan:	RB112 .R45 2017
Lokasi:	1st Floor, Shah Alam Campus
Tahun Terbitan:	2017
Edisi:	10th

"Updated and reorganized to provide a more accessible, student-friendly experience, Crowley's an Introduction to Human Disease, Tenth Edition provides readers with a clear, well-illustrated explanation of the structural and functional changes associated with disease, the clinical manifestations of disease, and how to determine treatment. The first chapters of the text discuss general concepts and diseases affecting the body as a whole. Later chapters consider the various organ systems and their diseases. The Tenth Edition boasts a wealth of new disease photos, new and expanded case studies, and a robust student and instructor ancillary package." -- Provided by publisher

(Sources from website "<https://www.worldcat.org/title/944179841>")

Judul:	365 Tip Sehat Gaya Rasulullah
Penulis:	Dr. Mohammad Ali Toha
ISBN:	9789833372713
No. Panggilan:	BP166.72 .M244 2009
Lokasi:	1st Floor, Shah Alam & Bestari Jaya
Tahun Terbitan:	2009
Edisi:	-

365 tip sehat gaya Rasulullah membicarakan panduan gaya hidup yang sehat berdasarkan konsep islami dan alami yang sudah diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. Buku ini merangkumi

- Teknik dan panduan kesihatan holistik.
- Panduan memilih makanan yang baik.
- Rahsia Rasulullah s.a.w. mengatur pola makanan.
- Teknik dan cara pengobatan yang terbaik.





unisel
UNIVERSITI SELANGOR
unisel@library

Selamat Menyambut
Hari Malaysia
16 September

<http://library.unisel.edu.my> unisel@library UNISEL LIBRARY



unisel
UNIVERSITI SELANGOR
unisel@library

SALAM MAULIDUR RASUL

TAHUN 1444H / 2022M

<http://library.unisel.edu.my> unisel@library Follow Us: 



unisel
UNIVERSITI SELANGOR
unisel@library

SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI

24 OKTOBER 2022

<http://library.unisel.edu.my> unisel@library IKUTI KAMI UNISEL LIBRARY



CONNECT WITH US



Like.Follow.Share unisel library

 <http://library.unisel.edu.my>

 sirkulasi@unisel.edu.my

 **Chat with a Librarian**

 **03-32805081/5080** (BJ Campus)

03-55223565 (Customer Service, Shah Alam Campus)

03-55223596 (Reference Service, Shah Alam Campus)